



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

6 OKTOBER 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU : RUMAH MAMPU MILIK PEKERJA SWASTA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	6 OKTOBER 2017 (JUMAAT)	BERITA HARIAN Saran rumah mampu milik untuk pekerja swasta	PERKESO MTUC

AKHBAR : BERITA HARIAN

Saran rumah mampu milik untuk pekerja swasta

KUALA LUMPUR : Kerajaan disaran mempertimbangkan isu rumah mampu milik, insurans perlindungan penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan rebat cukai pendapatan untuk kakitangan swasta dalam pembentangan Bajet 2018, 27 Oktober ini. Tiga isu itu adalah antara cadangan utama dikemukakan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) demi memastikan kebajikan pekerja swasta terus terjamin.

Presidennya, Abdul Halim Mansor, mengesyorkan kerajaan bekerjasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam menyediakan mekanisme supaya pencarum boleh membeli rumah mampu milik melalui akaun KWSP. Ketika ini, katanya, pencarum boleh mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk deposit membeli rumah pertama tetapi jumlahnya terhad. "Kita mohon Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyediakan kemudahan pinjaman akaun KWSP untuk pekerja swasta membeli rumah mampu milik, selain membenarkan pencarum membayar ansuran bulanan pinjaman menggunakan akaun KWSP.

"Kebanyakan pekerja swasta terutama golongan M40, tidak boleh membeli kediaman kerana tidak layak mendapatkan rumah mampu milik manakala harga rumah dijual pemaju terlampau mahal dengan anggaran harga pasaran bagi apartmen kos sederhana baharu mencecah RM400,000. "Menerusi pertimbangan ini, pembentangan Bajet 2018 akan lebih inklusif, sekali gus menggambarkan keprihatinan kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat," katanya kepada BH. Abdul Halim berkata, pihaknya mengharapkan kerajaan membuat pemotongan insurans penerima BR1M daripada kelompok pekerja swasta kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Katanya, kerajaan disyor membuat pemotongan mengikut kadar tangga gaji untuk membolehkan pekerja swasta menikmati jaminan faedah perkhidmatan PERKESO termasuk, ganti rugi dan skim keilangan sekiranya ditimpa musibah. "Pemotongan perlindungan insurans dengan PERKESO seperti tindakan serampang dua mata khususnya membabitkan sektor tidak formal seperti nelayan, petani dan pembantu rumah. "Golongan ini mengambil mudah perlindungan insurans kerana pendapatan mereka kecil. Tindakan ini boleh mendidik dan 'membuka minda' mereka manakala kebajikan waris terjamin.

"Sekiranya kerajaan tidak memberi pendidikan, mereka akan terus menjadi penerima BR1M untuk jangka panjang dan sukar keluar daripada kepompong atau belunggu kemiskinan," katanya. Mengenai rebat cukai pendapatan pekerja swasta, Abdul Halim memohon kerajaan meneliti semula pemotongan cukai pendapatan dan melaksanakan mekanisme rebat cukai pendapatan. Katanya, kakitangan swasta terutama di bandar besar terus dihipit masalah kos sara hidup tinggi dan tidak berpadanan dengan skim gaji mereka. "Pelaksanaan rebat cukai pendapatan boleh mengurangkan beban pekerja swasta khususnya dalam pembelian barangan keperluan asas termasuk rumah," katanya.

ISU : HABUAN PENJAWAT AWAM

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	6 OKTOBER 2017 (JUMAAT)	BERITA HARIAN CUEPACS jangka habuan buat penjawat awam	CUEPACS PERKESO

AKHBAR : BERITA HARIAN

CUEPACS jangka habuan buat penjawat awam

KUALA LUMPUR : Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yakin cadangan memperbaiki sistem gaji penjawat awam akan dimasukkan ke dalam Bajet 2018. Presidennya, Datuk Azih Muda, berkata semakan terakhir gaji penjawat awam adalah 12 tahun lalu dan sudah tiba masanya ia dikaji semula, susulan kos sara hidup yang semakin meningkat. "Fokus utama tentunya terhadap usaha membangunkan sistem gaji lebih baik, sekali gus membantu penjawat awam yang tertekan dengan kos sara hidup.

"CUEPACS sudah menghantar memorandum kepada kerajaan untuk mempertimbangkan 10 usul bagi menaik taraf dan memperbaiki kedudukan kakitangan kerajaan. "Saya yakin sekiranya kerajaan ada iltizam membantu rakyat, kita boleh menjadi negara maju yang mengutamakan kebajikan rakyat," katanya dihubungi BH, hari ini. Azih turut mengetengahkan isu penjawat awam golongan miskin bandar berikutan majoritinya sering membuat pinjaman peribadi untuk menampung kos kehidupan yang cukup tinggi.

"Miskin bandar ini lebih teruk berbanding di luar bandar kerana mereka tidak boleh bercucuk-tanam untuk kegunaan sendiri di kawasan kediaman. "Apabila keadaan mendesak, keadaan mereka tidak jauh bezanya dengan golongan gelandangan. "Satu lagi isu mendesak ialah pembelian rumah kerana rumah mampu milik yang dibina masih mahal, justeru antara saranan CUEPACS adalah membina kediaman berharga antara RM80,000 sehingga RM150,000.

"Berdasarkan keadaan ini, kerajaan wajar membuat semakan semula istilah harga dan lokasi rumah mampu milik bagi golongan sederhana," katanya. Antara cadangan lain yang diusulkan CUEPACS adalah memohon semua penjawat awam diberi perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan penyediaan taska di tempat kerja. Katanya, CUEPACS turut berpendapat ex-gratia tidak lagi sesuai dan kami sedia berunding untuk idea penambaikan jika kerajaan mahu meneliti perkara ini," katanya.

ISU : FIRE DRILLS IN SCHOOL

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	6 OKTOBER 2017 (JUMAAT)	THE STAR ONLINE Niosh: Hold regular fire drills in schools	NIOSH

AKHBAR : THE STAR ONLINE

Niosh: Hold regular fire drills in schools

JOHOR BARU: Schools should conduct regular fire drills to train students and staff on action to take in the event of a fire.

National Institute of Occupational Safety and Health (Niosh) chairman Tan Sri Lee Lam Thye said evacuation process, escapes routes and assembly points must be identified during the drills.

He said the exercise would also allow school administrators to check on the effectiveness of the fire warning system and ensure escape routes were not blocked, among others. "Sometimes we take things for granted and assume all is well but it never hurts to make sure," Lee said.

However, he pointed out that most of the time, victims trapped in buildings on fire usually panic and this led to them getting confused and not taking the right action. "Children would be more confused and frightened when trapped in a fire and as such, we must train them to think and act fast," said Lee. He said Parent-Teacher Associations (PTA) should take proactive measures and organise fire drills on a regular basis in schools.

He said parents, especially those with relevant skills, could also share their expertise and knowledge. Johor Fire and Rescue Department director Othman Abdullah said there were no regulations or requirements for schools to hold fire drills.

"It is the school's prerogative. We are more than willing to coordinate with the schools that want to carry out fire drills for their students and staff," he said.

Othman said there were 114 schools in Johor which had set up the Fire and Rescue Department Cadet Corps, with about 10,071 students as members.

"They are helping our department to organise related events in schools and also to reach out to their peers on fire prevention aspects," he said.